

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERHIMPUNAN HARI DAN MINGGU BELIA

TEMPAT: DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA KUALA LUMPUR

TARIKH: 04 JUN 1988

MASA:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Seri Najib Tun Razak,
Menteri Belia dan Sukan;

Yang Berhormat-Yang Berhormat;

Dif-dif Kehormat;

Saudara-saudari sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa
Pengelola Perhimpunan Hari dan Minggu Belia Negara kerana
menjemput saya untuk berucap di majlis ini dan seterusnya
merasmikan perhimpunan Hari dan Minggu Belia Negara 1988.

2. Syukur Alhamdulillah, dengan taufik dan keredhaan Allah
Subhanahu Wataala dapat kita berhimpun di dewan ini untuk
merayakan dan menyambut hari yang begitu bermakna bagi para
belia di negara kita ini. Semoga perayaan Hari dan Minggu
Belia yang bertemakan 'Belia Berilmu Negara Maju' bukan
sahaja menjadi slogan tetapi juga dipraktikkan.

Saudara-saudari sekalian,

3. Dunia kehidupan belia hari ini semakin kompleks.
Masalah yang ditimbulkan oleh orang-orang muda di negara
Eropah dan Amerika telah membimbangkan kerajaan mereka.
Masalah-masalah penagihan najis dadah, masalah 'generation
gap' dan kurang hormat kepada orang tua, masalah jenayah
yang dilakukan tanpa sebab dan lain-lain lagi telah memaksa
perhatian masyarakat terhadap keruntuhan akhlak yang amat
bahaya di Barat.

4. Penyakit ini sudah merebak hinggakan ke Timur. Melalui
kemajuan sistem komunikasi, Timur diserang bertalu-talu
dengan nilai-nilai Barat dan ada bukti yang tembok
pertahanan Timur sudah runtuh di sana sini. Dadah,
jenayah, keganasan belia, demonstrasi tanpa sebab,
vandalisma dan lain-lain gejala sudah menjadi perkara biasa
di beberapa negara Timur yang sedang membangun dan yang
sedang mengambil langkah ke arah demokrasi.

5. Naluri belia ialah mereka mudah terpicat dengan
idealisma. Sementara idealisma amat diperlukan oleh
masyarakat, pemilik idealisma yang muda mudah membelakangkan
kenyataan dan mudah juga dipengaruhi. Dengan itu amatlah
mudah bagi belia yang mengejar idealisma diperalatkan oleh

orang-orang tertentu yang berkepentingan. Seterusnya tenaga yang harus diguna untuk membangunkan negara disalurkan ke arah mengancam kestabilan sehingga negara tidak dapat membangun dan bersaing dengan negara-negara yang sudah maju. Maka terpeliharalah negara yang maju ini daripada persaingan oleh negara yang berpotensi di antara yang membangun.

6. Kita tidak mahu balik ke zaman dahulu di mana belia mesti menerima tanpa soal semua yang disarankan oleh orang dewasa. Amalan ini akan menjadikan sesuatu masyarakat atau negara itu statik, tidak bergerak maju. Amalan ini akan mengekalkan pendapat dan perbuatan yang salah dan merugikan. Di zaman moden masyarakat yang terlalu dikongkong oleh tradisi tidak mampu bersaing dengan masyarakat yang dinamik. Tetapi tradisi tidak harus dihapuskan semata-mata kerana ia adalah tradisi. Hanya tradisi yang jelas menghalang kemajuan sahaja yang perlu dikaji dan diganti dengan amalan yang baru yang jelas boleh memberi manfaat.

Saudara-saudari sekalian,

7. Satu perkara yang amat merbahaya ialah menerima bulat-bulat pendapat pihak lain, terutama pihak negara yang sudah maju. Kita sering lupa bahawa pendapat mereka telah melalui satu evolusi yang berkait rapat dengan evolusi masyarakat mereka. Amalan demokrasi mereka bermula dengan kebebasan yang sedikit sahaja, kebebasan yang sesuai dengan keadaan masyarakat mereka ketika itu. Di Britain umpamanya wanita hanya boleh mengundi selepas Perang Dunia Pertama, iaitu hampir seratus tahun selepas demokrasi diterima di negara itu. Di Switzerland, wanita mula mengundi 20 tahun dahulu sahaja, lebih lewat daripada kita. Demikian juga dengan kebebasan akhbar. Pada mulanya banyak berita tidak boleh disiarkan. Pihak akhbar di Britain mempunyai badan sukarela untuk menapis berita yang boleh disiarkan. Hanya 10 tahun selepas Perang Dunia Kedua barulah 'self-censorship' ini dihapuskan.

8. Hari ini pun mereka masih mengamalkan penapisan berita. Hanya berita yang disukai oleh media mereka sahaja yang disiarkan. Yang tidak disukai oleh mereka, khususnya yang menunjukkan pihak lain adalah baik dan berjaya, di 'censor' oleh media Barat. Laporan media Barat selalunya berat sebelah. Namun mereka mendakwa media mereka bebas dan ramai daripada kita di sini menerima bulat-bulat dakwaan kebaikan dan keadilan mereka. Demikianlah terpengaruhnya kita sehingga kita menafikan tentang adanya kebebasan akhbar di negara sendiri di mana kecaman, fitnah dan tohmah terhadap Kerajaan disiarkan tiap-tiap hari oleh akhbar dan majalah tempatan dan asing.

9. Belia negara kita janganlah terlalu mudah menerima dakwaan dan nilai-nilai yang dibuat oleh negara yang sudah maju di Barat. Ingatlah di waktu mereka berada di tahap pembangunan yang kita alami sekarang, nilai-nilai mereka tidak sebegitu liberal seperti sekarang. Hanya setelah

mereka sudah maju dan kukuh barulah mereka sanggup membenarkan kegiatan dan falsafah yang boleh mengganggu pembangunan mereka.

10. Walaupun mereka sudah membangun dan kukuh, mereka tahu bahawa nilai-nilai mereka masih boleh menghalang kemajuan mereka. Kita syak bahawa untuk menentukan kita tidak dapat mengejar mereka, mereka cuba mengembangkan segala nilai negatif di kalangan kita supaya pembangunan kita terganggu sebelum pun kita mencapai tahap pembangunan yang kukuh. Justeru itu, jentera tidak rasmi mereka sering mengancam kita kerana tidak demokratik, tidak bebas, tidak adil dan lain-lain lagi. Yang lemah di antara kita akan berasa malu kerana dituduh tidak demokratik dan sebagainya dan kumpulan ini akan turut mengecam negara sendiri, bahkan menimbulkan masalah dalam negara. Dengan itu pembangunan negara kita akan terjejas dan kita tidak dapat mengejar dan bersaing dengan negara-negara maju.

11. Apa yang diperlukan sekarang bukanlah penolakan semua nilai-nilai kebaratan tetapi kajian yang diasaskan kepada keperluan kita dan situasi negara kita dengan tujuan untuk membuang yang keroh dan mengambil yang jernih.

Saudara-saudari sekalian,

12. Satu daripada nilai-nilai yang telah menolong negara maju dahulu tetapi sudah dianggap usang sekarang ialah patriotisme. Di waktu negara-negara barat sedang membangun dengan pesat dahulu, mereka memuja patriotisme. Anak-anak muda mereka dipupuk dengan semangat patriotisme sehingga mereka rela mengorbankan harta dan nyawa untuk negara mereka. Mereka bekerja kuat dan mereka sanggup dihantar ke tanah jajahan yang jauh dari tanahair mereka untuk mempertahankan bendera negara. Ramai daripada mereka ini terbunuh dalam peperangan atau kerana penyakit. Kubur mereka terdapat di mana sahaja. Kubur mereka menjadi bukti kegigihan semangat patriotisme mereka.

13. Zaman beredar dan sekarang ini mereka kecewa kerana kehilangan empayar mereka. Patriotisme sudah tidak diperlukan lagi dan mereka memburuk-buruk dan mempermainkan semangat ini dan ramailah pula daripada kita turut menerima nilai mereka ini.

14. Kita harus memikir sendiri mengenai patriotisme ini. Negara kita sedang membangun. Kita tidak berhajat mendirikan empayar tetapi kita mahu pencapaian yang tinggi dalam bidang-bidang tertentu. Untuk ini kita tidak boleh didorong semata-mata oleh materialisme. Satu semangat kekitaan yang kuat mesti ada pada kita. Satu semangat kebangsaan yang kukuh mesti mempengaruhi kita. Kita harus didorong oleh patriotisme, oleh kebanggaan dengan bangsa kita. Tiap sesuatu yang kita buat hendaklah jangan semata-mata kerana diri sendiri tetapi juga kerana bangsa dan negara. Bagi yang betul-betul patriotik jika kepentingan diri bertentangan dengan kepentingan bangsa dan negara, kepentingan diri

mengambil tempat kedua. Yang utama ialah bangsa dan negara.

15. Kita tidak mahu patriotisme secara buta-tuli. Kita tidak menerima maxim, "My country, may it always be right, but my country right or wrong." Patriotisme yang kita mahu ialah patriotisme yang boleh dipertahankan. Patriotisme kita bukan untuk mencerooboh orang lain tetapi untuk kebaikan kita. Di sini kita menghadapi masalah kerana jika seseorang individu cuba menilai patriotisme sendiri, ia mungkin salah. Justeru itu adalah lebih baik jika kita menerima penilaian yang diakui ramai. Dengan itu semangat patriotik kita tidak akan menyebabkan kita berpuak-puak yang bermusuah antara satu dengan yang lain. Berpuak-puak dan bermusuah antara kita sesama kita tetap akan menghancurkan semangat patriotisme. Inilah yang berlaku apabila komunis membuat tafsiran mereka sendiri dan menganggap orang lain tidak cintakan negara dan mereka melancarkan peperangan terhadap puak yang tidak menyertai mereka.

16. Para belia harus memupuk semangat setia dan sayang kepada bangsa dan negara dan patriotisme ini hendaklah menjamin kita tidak membuat apa-apa yang merugikan bangsa dan negara. Sebaliknya sebarang tindakan yang kita ambil mestilah membawa manfaat kepada bangsa dan negara.

Saudara-saudari sekalian,

17. Satu perkara yang menekan sekarang ialah pengangguran di kalangan belia. Untuk mengatasi masalah ini kita perlu meningkatkan proses industrialisasi kerana hanya kilang-kilang pembuatan sahaja yang boleh menyediakan peluang-peluang kerja dengan banyak.

18. Kilang pembuatan memerlukan pelaburan yang banyak dan teknologi yang moden. Tidak ramai daripada para pelabur dalam negeri yang memiliki modal dan teknologi untuk mengadakan kilang-kilang besar dan moden. Oleh itu, pelaburan asing amatlah penting untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan.

19. Untuk menarik pelaburan asing Kerajaan telah menyediakan banyak insentif. Tetapi insentif yang terbesar sekali ialah kestabilan negara dan kesanggupan rakyat Malaysia untuk bekerja kuat dan menjayakan perusahaan berkenaan. Sebarang kegiatan yang memberi gambaran bahawa Malaysia tidak stabil merupakan penghalang kepada usaha mengatasi masalah pengangguran. Saya berharap para belia sendiri dan lain-lain pihak tidak membuat apa-apa yang boleh memburukkan imej negara sebagai tempat yang paling sesuai untuk pelaburan. Perbuatan demikian akan menganiayakan belia yang masih menganggur walau apapun kelulusan mereka.

Saudara-saudari sekalian,

20. Semuanya yang berlaku adalah takdir Tuhan. Tetapi

nasib kita tidak akan berubah melainkan kita sendiri mengubahkannya. Jika kita belajar dan menguasai ilmu, nasib kita tidak akan sama dengan nasib kita jika kita tidak belajar dan tidak memiliki ilmu. Demikian juga jika kita tidak berusaha, kita malas, kita tidak jujur - nasib kita tidak akan sama dengan nasib kita jika kita berusaha, kita rajin dan kita jujur. Walaupun akhirnya Tuhan yang menentukan segala-galanya, ini tidak bermakna bahwa kita sendiri tidak boleh mempengaruhi apa yang berlaku kepada kita.

Saudara-saudari sekalian,

21. Apa yang akan jadi kepada kita apabila kita tua banyak bergantung kepada apa yang kita buat semasa kita muda. Zaman muda tidaklah lama jangka masanya. Kemudian kita akan beralih ke zaman tua. Oleh yang demikian rebutlah lima kesempatan sebelum kesempitan, iaitu: sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sibuk, muda sebelum tua dan hidup sebelum mati.

22. Saya yakin belia berilmu akan menjayakan negara. Marilah kita semua berusaha sedaya upaya memperjuang dan mempertahankan masa depan bangsa, agama dan negara kita. Dengan kata-kata tersebut saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim merasmikan perhimpunan Hari dan Minggu Belia Negara 1988.
Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.